

HARI : SABTU
TARIKH : 20/6/2020
M/SURAT : 16

Punca kenaikan mendadak harga ayam disiasat

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyiasat punca kenaikan mendadak harga ayam standard sejak beberapa hari lalu.

Timbalan Pengarah Pengurusan Operasi KPDNHEP, Low Swee Hon, berkata pihaknya sudah bertemu penternak ayam bagi mendapatkan maklum balas berhubung perkara itu.

"Memang dikatakan ada peningkatan harga pada peringkat ladang dan kementerian sedang mengesahkan ada peningkatan berlaku pihak penternak, pemborong atau peruncit.

"Kita berharap dapat mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah yang berlaku di kebanyakan pasar seperti yang dilaporkan," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemantauan harga barang di Pasar Sungai Besi di sini.

Swee Hon berkata, KPDNHEP akan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi mendapatkan

maklumat harga barang serta alasan sekiranya terdapat pengambilan keuntungan berlebihan.

Katanya, penguat kuasa juga memantau premis perkhidmatan gunting rambut di Desa Petaling dan berpuas hati dengan tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Beliau berkata, KPDNHEP sudah memeriksa lebih 500 premis dandan dan gunting rambut di seluruh negara dari 10 hingga 17 Jun lalu menerusi OPS CATUT 7.0 (Dandan dan Gunting Rambut).

"Tiada sebarang tindakan diambil setakat ini. Bagaimanapun untuk setiap premis atau tinjauan yang dilakukan, pegawai kami akan keluarkan notis untuk mereka mengemuka maklumat harga (caj upah) sebelum dan selepas beroperasi (selepas 10 Jun) serta kos penyediaan perkhidmatan.

"Caj tambahan yang boleh dikenakan kepada pelanggan hanya merujuk kepada dua item iaitu alas gunting rambut pakai buang serta sarung tangan dan peniaga perlu memastikan caj itu berpatut dengan kos belian bagi penggunaan setiap barang itu," katanya.

Kerajaan membenarkan kedai gunting rambut dan salun kecantikan kembali beroperasi mulai 10 Jun lalu dengan SOP ketat selepas sektor itu ditutup, susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac bagi mencegah mutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. BERNAMA